

## BAB III

### MAJLIS UGAMA ISLAM SEBAGAI BADAN PERUNDANGAN

#### A. Penubuhan Majlis

Majlis Ugama Islam ditubuhkan di bawah peruntukan yang diberi dalam seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam 1959, yang bertujuan untuk menasihati Yang DiPertuan Agong sebagai Ketua Ugama Islam Negeri dalam segala perkara yang berkaitan dengan ugama Islam.

Majlis (singkatan kepada Majlis Ugama Islam) adalah satu perbadanan turun temurun dan mempunyai mohor perbadanan. Daripada satu masa kesatu masa mohor itu boleh dipecah, ditukar, diubah dan dibuat baru mengikut kehendak Majlis. Ia diberi kuasa untuk membuat perjanjian, mempunyai, memegang dan menggunakan harta dari segala jenis disamping kuasa menukar, memberi dan membuat urusan dengan harta-harta itu dengan syarat yang difikirkan patut olehnya mengikut Undang-undang Islam. Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya.

Kuasa Majlis termasuk menjadi penguasa wasiat atau pentadbir harta seorang yang telah mati atau pemegang amanah. Sebagai tambahan kepada ini, Majlis diberi kuasa, hak dan tanggungan yang sebelum ia ditubuhkan terletak ditangan satu lembaga yang ditubuhkan oleh Ordinan Khairat Hindu dan Islam (Muslim and Hindu Endowments Ordinance).

Sebagai satu organisasi Majlis terdiri dari dua badan, badan perundangan<sup>1</sup> dan badan eksekutif (sila lihat rajah 3.1). Sebagai badan perundangan, Majlis dibantu oleh satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Syariah dan tugas-tugas perundangannya akan dibincangkan di bawah tajuk fungsi-fungsi Majlis di dalam bab ini, sementara tugasnya sebagai badan eksekutif dibincangkan dalam bab iv.

### B. Keahlian

Majlis adalah terdiri dari Yang DiPertua, Mufti, dan tidak kurang dari lima atau tidak lebih dari sembilan orang Islam, semuanya, kecuali Yang DiPertua dan Mufti adalah dilantik oleh Yang DiPertuan Agung untuk tempoh masa yang Baginda fikir sesuai.

Dengan Setiausaha Jabatan Ugama Islam sebagai ex-officio Setiausaha Majlis, 4 jenis keahlian telah diwujudkan iaitu Yang DiPertua, Mufti dan Setiausaha sebagai ahli ex-officio serta ahli-ahli biasa.

Pada tahun 1975 terdapat 12 orang memenuhi keahlian Majlis.<sup>2</sup> Mereka ini seperti yang dikatakan di atas boleh dibahagi kepada 4 jenis keahlian seperti di bawah:


---

<sup>1</sup> Badan perundangan disini bukan bermaksud sebagai badan perundangan yang mengubal Undang-undang Islam, disini ia bermaksud membuat polisi dan peraturan mengenai pentadbiran Undang-undang Islam.

<sup>2</sup> Untuk nama-nama ahli sila lihat Appendix 2 dan untuk bayaran elaan yang diterima sila lihat Appendix 17, Jadual C.

RAJAH 3.1

ORGANISASI MAJLIS UGAMA ISLAM TITIKAKA 1975



Sumber : Sendiri

Catitan : Seluruh rajah di atas adalah menggambarkan Majlis Ugama Islam sebagai satu organisasi.

- (1) Adalah Majlis yang bertanggungjawab sebagai badan perundangan di bawahnya terdapat Jawatankuasa Syariah.
- (2) Setiausaha adalah orang yang bertanggungjawab mengenai peranan Majlis sebagai badan eksekutif. Di bawahnya terdapat 4 bahagian, Tabung Amanah Khairat, Masjid, Pelajaran Ugama Islam dan Pendaftar orang yang memeluk Ugama Islam

1. Yang DiPertua\*

Yang DiPertua Jabatan Hal-ehwal Ugama Islam adalah ex-officio Yang DiPertua Majlis. Walaupun beliau memegang dua jawatan dalam dua badan yang berasingan, beliau hanya menerima gaji dari satu pekerjaan (sebagai Yang DiPertua Jabatan) dan mendapat elaun dari tugasnya yang kedua (sebagai ex-officio Yang DiPertua Majlis).

Yang DiPertua adalah mempunyai kuasa untuk mengawal segala perbincangan dan perjalanan Majlis dan kerana ini bertanggungjawab kepada Yang DiPertuan Agong. Beliau menguruskan semua mesyuarat Majlis dan untuk ini beliau diberi elaun sebanyak \$20.00 untuk satu mesyuarat. Oleh sebab beliau memegang jawatan yang penting, Yang DiPertua tidak boleh keluar dari Negeri Melaka untuk tempoh selama lebih 14 hari tanpa mendapat kebenaran dari Yang DiPertuan Agong. Semasa ketidakhadirannya Majlis boleh melantik mana-mana ahli lain sebagai pengerusi mesyuarat.

Yang DiPertua, baik dalam jabatan mahupun dalam Majlis adalah seorang pegawai pentadbir lebih dari segalanya. Kelulusan tinggi ugama tidak perlu bagi perlantikannya. Sebagai contoh, Yang DiPertua yang ada sekarang adalah seorang bekas Penolong Pegawai Daerah

---

\* Encik Nor Hashim bin Haji Mohd. Untuk nama-nama Yang DiPertua yang telah berkhidmat dari tahun 1960 lihat Appendix 3.

yang cuna mempunyai kecenderungan kepada Ugama Islam. Adalah dicadangkan<sup>3</sup> supaya perlantikan Yang DiPertua dibuat berdasarkan kelulusan ugamanya memandangkan peranannya yang sangat penting sebagai Pentadbir Undang-undang Islam disamping kemahiran disegi pentadbiran.

## 2. Setiausaha\*

Dengan menjadi Setiausaha Jabatan seorang itu dengan secara langsung menjadi ex-officio Setiausaha Majlis. Seperti Yang DiPertua, beliau tidak berhak mendapat gaji untuk tugas-tugas yang dilakukan sebagai Setiausaha Majlis. Beliau menerima \$20.00 sebagai elaun setiap kali mesyuarat disamping gaji bulanan yang tetap dari jawatannya sebagai Setiausaha Jabatan.

Tertakluk kepada apa-apa arahan yang mungkin diberi kepada beliau oleh Yang DiPertua, Setiausaha adalah bertanggunggan ke atas semua surat-menyurat dan dokumen Majlis, termasuk semua deod dan surat jaminan dan adalah bertanggungjawab secara amnya terhadap pungutan sebenarnya, akaun dan pengurusan semua tabung Majlis dan adalah dalam semua hal lain melaksanakan tugas-tugas tersebut seperti yang bolih dikenakan ke atasnya oleh Enakmen ini atau ditentukan untulnya oleh arahan Yang DiPertua.

---

<sup>3</sup> Cadangan ini datangnya dari salah seorang kakitangan Jabatan.

\* Haji Abdul Talib bin Haji Ahmad berkhidmat semenjak Majlis ditubuhkan.

Dengan peruntukan di atas, Setiausaha Majlis bukan sahaja menjalankan tugas-tugas seperti lain Setiausaha dalam mesyuarat,<sup>4</sup> beliau adalah menjalankan tugas-tugas eksekutif bagi pihak Yang DiPertua.

Jika Setiausaha tidak dapat menghadirkan diri untuk tempuh masa yang sementara sahaja, Yang DiPertuan Agong bolih melantik seorang lain bertindak secara sementara bagi pihaknya. Perlantikan sementara itu berlanjutan hingga Setiausaha kembali bertugas dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Yang DiPertua.

### 3. Mufti<sup>5</sup>

Mufti adalah ahli ex-officio Majlis yang ketiga. Beliau adalah dilantik oleh Yang DiPertuan Agong atas cadangan Majlis. Mufti adalah dianggap orang yang mempunyai pengetahuan yang dalam mengenai segala aspek Ugama Islam berbanding dengan ahli-ahli lain. Antara tugas-tugas beliau ialah menjadi sebagai ahli ex-officio Majlis, Penasihat Yang DiPertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Ugama Islam dan sebagai Pengerusi dalam Jawatankuasa Syariah yang memainkan peranan penting (antara lain) mengeluarkan fatwa.

---

<sup>4</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka 1959. S. 24  
(1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala mesyuarat dan pada tiap-tiap mesyuarat.....

(2) Minit-minit itu hendaklah dimasukkan ke dalam buku mesyuarat Majlis.....

(3) Dengan secepat secepatnya setiap selepas satu mesyuarat salinan minit mesyuarat hendaklah disebarkan kepada Yang DiPertuan Agong.....

<sup>5</sup> Haji Hasan bin Haji Abu Bakar berkhidmat semenjak Majlis ditubuhkan.

Mufti mendapat elaun sebanyak \$20.00 untuk tiap-tiap mesyuarat yang dihadapinya.

Sebagai seorang yang berpengetahuan luas dalam Ugama Islam, Mufti kerap kali diminta memberi ceramah-ceramah ugama, menentukan arah kiblat dan sebagai orangtengah dalam ape-apa perselisihan diantara kariah-kariah disamping menentukan sempadan kariah.

#### 4. Ahli Biasa

Ahli-ahli biasa datangnya dari berbagai gulungan masyarakat, tiap-tiap lelaki Islam yang telah berumur lebih dari 21 tahun mempunyai peluang untuk dilantik menjadi ahli. Pada praktisnya Majlis akan menasihati Yang DiPertuan Agong melantik mereka yang terdiri dari gulungan "Yang Berhormat" dalam negeri (sila lihat senarai nama ahli dalam appendix 2)

Mereka memegang jawatan ini selama 3 tahun tetapi berkecayuan untuk dilantik semula bila tempoh perkhidmatan tamat. Sebagai saguhati mereka menerima elaun sebanyak \$20.00 untuk tiap-tiap satu mesyuarat. Malaupun tidak mendapat gaji yang tetap mereka adalah dianggap anggota kerajaan untuk tujuan Kanun Keseksaan.

Perlantikan ahli-ahli adalah tamat jika ahli meninggal dunia, jika dia meletakkan jawatan dengan permohonan bertulis kepada Yang DiPertuan Agong melalui Yang DiPertua atau jika dia berada di luar

Negeri Melaka lebih dari 3 bulan tanpa kebenaran bertulis dari Yang DiPertua yang bertindak bagi pihak Yang DiPertuan Agong.

Perlantikan ahli akan batal jika kelakuan ahli pada fikiran Yang DiPertuan Agong memburukkan nama Majlis, jika olih kerana beberapa sebab dia tidak melaksanakan tugasnya dengan betul atau tidak hadir dalam mesyuarat selama 3 kali berturut-turut.

### C. Peraturan Majlis\*

Yang DiPertua diberi kuasa olih Yang DiPertuan Agong untuk menguruskan mesyuarat Majlis. Majlis bolih melantik mana-mana ahli sebagai pengerusi jika Yang DiPertua tidak dapat menghadirkan diri dalam mesyuarat. Selain dari ahli-ahli Majlis Yang DiPertua bolih menjemput sesiapa sahaja jika, perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu memerlukan orang itu hadir. Orang-orang yang dijemput bolih mengambil bahagian dalam perbincangan tetapi tidak ada hak untuk mengundi.

Mesyuarat-mesyuarat yang diadakan adalah membincangkan segala urusan Majlis. Mesyuarat biasanya diadakan 4 kali setahun, dalam tahun 1970 hingga 1974 terdapat 20 kali mesyuarat iaitu 4 kali setahun. Semua tindakan dan resolusi Majlis adalah sah setelah sekurang-kurangnya  $\frac{1}{3}$  dari ahlinya termasuk Yang DiPertua hadir dan jika tindakan dan resolusi itu dipersetujui dengan cara pengundian olih majoriti dari ahli-ahli yang hadir.

---

\* Sila lihat Peraturan Persidangan Majlis dalam Appendik 4



Dalam teori dan juga pada amalannya, semua mesyuarat Majlis adalah dipanggil oleh Setiausaha dengan arahan Yang DiPertua. Dalam keadaan tertentu, 4 ahli lain boleh meminta Setiausaha memanggil mesyuarat. Setiausaha dikehendaki meluluskan permohonan itu jika tujuan permohonan itu dinyatakan dalam satu permohonan bertulis kepada Setiausaha. Dalam masa 14 hari selepas menerima arahan (dari Yang DiPertua) atau permohonan (dari 4 orang ahli) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat. 7 hari notis dikehendaki diberi kepada mereka yang berkenaan sebelum mesyuarat tetapi dalam keadaan dharurat, Yang DiPertua boleh memberi arahan supaya notis sedemikian tidak perlu diberi. Notis boleh diberi dengan pos atau tangan dan Setiausaha tidak diwajibkan memberi notis kepada ahli-ahli yang tidak berada dalam negeri.

Pengerusi menentukan segala perjalanan Mesyuarat. Dia berhak mengundi seperti lain ahli dan bila terdapat undi yang sama banyak, pengerusi mempunyai hak untuk membuat undi pemutus.

Setiausaha menyimpan semua minit-minit mesyuarat di dalam buku minit mesyuarat. Pada permulaan mesyuarat yang baru, minit mesyuarat yang lepas dikehendaki dibaca, disahkan atau dipinda oleh ahli-ahli. Salinan minit tiap-tiap mesyuarat dikehendaki dihantar kepada Yang DiPertuan Agong.

Majlis bolih mewakilkan tugas dan kuasanya kepada Yang DiPertua, Setiausaha atau mana-mana Jawatankuasa. Jika kuasa dan tugas telah diwakilkan, sesiapa yang menerima perwakilan itu adalah bertanggungjawab memberitahu Majlis segala tindakan yang telah diambil bertabit dengan hal-hal yang berkenaan.

Segala perjalanan Majlis adalah satu perkara rahsia kecuali kepada Yang DiPertuan Agong dan ahli-ahli sahaja.

#### D. Fungsi-fungsi Majlis

Sebagai badan perundangan, Majlis mempunyai fungsi-fungsi yang bolih dibahagikan seperti berikut:-

- (i) Majlis dengan persetujuan Yang DiPertuan Agong bolih membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan semua perkara yang berhubung dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat fitrah. Peraturan-peraturan yang bolih dibuat termasuk menentukan dari satu masa kesatu masa akan berapa banyaknya zakat dan fitrah yang akan dibayar oleh sekalian orang Islam dalam Negeri Melaka, mengadakan cara-cara pungutan zakat dan fitrah, melantik amil memungut zakat dan fitrah serta mengadakan hukuman-hukuman kerana pungutan atau bayaran zakat dan fitrah oleh atau kepada orang yang tidak mendapat kuasa.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Hukumen Pentadbiran Ugama Islam 1959 s. 102

- (ii) Untuk melantik jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawah kawalan Majlis bila perlu, Majlis diberi kuasa bukan sahaja menasihati Yang DiPertuan Agong mengenai agama Islam bahkan mentadbirkannya sekali. Seksyen 30 memberi kuasa kepada Majlis mewakilkan kuasa dan tugasnya kepada Yang DiPertua, Setiausaha dan jawatankuasa. Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai kemahiran untuk menjalankan tugas yang diwakilkan. Pada masa ini terdapat jawatankuasa kecil, Jawatankuasa Syariah untuk menasihati Majlis mengenai Undang-undang Islam (akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah tajuk Jawatankuasa Syariah), Jawatankuasa Kariah yang diberi kuasa untuk membuat peraturan untuk perlantikan dan menentukan tugas-tugas ahli jawatankuasa dalam mentadbirkan kariah-kariah masjid dan Jawatankuasa Maulud Nabi untuk menguruskan upacara perayaan Maulud Nabi. Kalau Majlis dianggap sebagai Badan Perundangan, jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah seperti badan perundangan yang diwakilkan.
- (iii) Untuk membuat keputusan terakhir mengenai fatwa-fatwa yang tidak diluluskan dengan sebulat-suara oleh Jawatankuasa Syariah.

## E. Jawatankuasa Syariah

Seperti yang disebut di atas, Jawatankuasa Syariah adalah satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah peruntukan s. 35 Enakmen 1959.<sup>7</sup> Ia merupakan badan yang terpenting dalam Majlis kerana keputusan-keputusannya menjadi asas resolusi Majlis mengenai Undang-undang Islam dan pentadbirannya. Sebagai badan yang mengeluarkan fatwa, Jawatankuasa ini sangat penting disegi perundangan kerana walaupun fatwa bukan satu sumber Undang-undang Islam, ia sangat penting disegi nyataan kes yang menjadi alat dalam perkembangan dan dalam usaha memperkayakan prinsip-prinsip Undang-undang.<sup>8</sup>

### 1. Kecahlian\*

Bersesuaian dengan tugasnya, ahli-ahli jawatankuasa ini hendaklah terdiri dari mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas mengenai Undang-undang Islam seperti yang diperuntukkan oleh Enakmen, "Hendaklah ditubuhkan Jawatankuasa Syariah Majlis mengandungi Mufti, dua ahli Majlis yang lain dan tidak kurang dari dua atau lebih dari enam lagi orang Islam yang sesuai dan layak yang tidak menjadi ahli Majlis."<sup>9</sup>

---

<sup>7</sup> Jawatankuasa Syariah ditubuhkan serentak dengan penubuhan Majlis Iaitu pada tahun 1960.

<sup>8</sup> Halla, Principles of Mohamedan Law, 1973 Bombay, N.M. Tvipati Pte. Ltd. hal. xxviii.

\* Sila lihat ahli-ahli jawatankuasa Syariah 1975 dalam Appendik 5 dan elaum yang mereka berhak terima dalam Appendik 17, Jadual C.

<sup>9</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam s. 34.

Ahli-ahli jawatankuasa selain dari Mufti adalah dilantik oleh Yang DiPertuan Agong dan perlantikan itu hendaklah disiarkan dalam warta kerajaan. Mereka memegang jawatan selama yang difikirkan sesuai oleh Yang DiPertuan Agong. Walaupun mereka hanya menerima elaan dari keahlian mereka, untuk tujuan Kanun Keseksaan mereka adalah dianggap anggota kerajaan.

Mufti akan mengengerusikan Majlis kecuali beliau tidak dapat menghadirkan diri dimana Yang DiPertuan Agong boleh melantik seorang lain dengan cadangan dari Majlis.

Jawatankuasa diberi kebebasan untuk membuat peraturannya sendiri.

## 2. Acara mengeluarkan fatwa\*

sesiapa pun boleh dengan bersurat kepada Setiausaha meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara mengenai Undang-undang Islam atau nas. Setiausaha selepas menerimanya ditahondaki menghantar permintaan itu kepada pengerusi Jawatankuasa Syariah.

Pengerusi Jawatankuasa akan menimbangkan tiap-tiap permohonan yang dosikian itu dan hendaklah menyediakan rangka fatwa di atas pertanyaan itu selainkan pada fikirannya perkara itu perkara yang sangat kecil atau dengan sebab yang menasabah tidak payah dijawab. Jika rangka

---

\* Sila lihat contoh Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dalam Appendix 7.

fatwa itu dipersetujui oleh Jawatankuasa dengan sebulat suara atau oleh semua ahli-ahli yang hadir dan berhak mengundi, pengerusi bagi pihak dan atas nama Majlis bolih memberi fatwa itu. Jika Jawatankuasa tidak sebulat suara persoalan itu akan dirujukkan kepada Majlis dengan cara demikian juga memberi fatwanya mengikut pendapat terbanyak dari ahlinya.

Majlis sendiri bolih pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan mengistiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang demikian itu. Selain dari Majlis dan orang perseorangan, mana-mana Mahkamah Sivil bolih meminta Majlis memberi pendapat mengenai Undang-undang Islam dan Majlis akan merujukkan perkara itu kepada Jawatankuasa Syariah yang akan pihak dan atas nama Majlis memberi pendapatnya bagi mengikut pendapat suara majoritinya.

Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa Jawatankuasa adalah mengikut kaul yang muktamad dalam Mazhab Shafie melainkan jika dengan berbuat demikian akan berlawanan dengan faedah umum, Majlis atau Jawatankuasa, melainkan Yang DiPertuan Agong memerintahkan sebaliknya, mengikut lain-lain kaul dalam Mazhab Shafie. Jika dengan berbuat demikian juga akan berlawanan dengan faedah umum, dengan kebenaran khas dari Yang DiPertuan Agong, Majlis dan Jawatankuasa bolih mengikut kaul-kaul salah satu mazhab-mazhab yang lain seperti Hanafi, Maliki, atau Hambali tetapi dalam mana-mana fatwa yang dibuat dengan jalan

ini hendaklah diterangkan dengan jelas peraturan dan dasar yang hendak diikuti.

Fatwa-fatwa yang telah diarahkan oleh Yang DiPertuan Agong supaya diwartakan dalam Warta Kerajaan adalah mengikat semua orang Islam dalam Negeri Melaka.

Jawatankuasa bersidang bila ada pertanyaan. Contoh pertanyaan ialah:

Berkenaan wang loteri kebajikan masyarakat bolehkah digunakan untuk membena dan membaiki masjid?

Jawapan:-

Keputusan Jawatankuasa, Majlis tidak bersetuju hunkunkan halal wang loteri kebajikan masyarakat untuk membena masjid atau membaiki masjid kerana Ayat Firman Tuhan "sesungguhnya arak dan judi adalah dikira najis dan haram" dan loteri itu adalah judi.

### JADUAL 3.1

#### PERSIDANGAN JAWATANKUASA SYARIAH DAN FATWA-FATWA YANG DIKELUARKAN DARI 1970 - 1974

Tahun	Persidangan Jawatankuasa	Fatwa
1970	4	10
1971	11	6
1972	8	11
1973	7	5
1974	5	14

Sumber : Buku Penyata Tahunan Majlis 1970 - 1974

Catetan : \*laporan tidak boleh didapati, untuk tahun 1975